

'Ada usaha jatuhkan saya'

- **Afdlin nafi 'songlap' projek DBKL bernilai lebih RM10 juta**
- **Buat laporan polis, sedia beri kerjasama**

Oleh HANISAH SELAMAT

PETALING JAYA – Pengarah dan pelakon, Datuk Afdlin Shauki menafikan dakwaan penglibatan beliau dalam kes salah laku perolehan projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti yang tular dalam media sosial.

Afdlin, 54, dalam satu kenyataan berkata, perbuatan pihak tidak bertanggungjawab 'mengheret' beliau dalam skandal tersebut merupakan fitnah bertujuan untuk memburukkan namanya.

"Pertama sekali saya menafikan sekeras-kerasnya terdapat (terlibat) apa-apa unsur salah laku dalam perolehan projek tersebut.

"Ini merupakan usaha

pihak tidak bertanggungjawab untuk memburukkan nama saya.

"Agenda pihak ini hanya didorong oleh perasaan hasad dengki dan dendam yang tidak bertempat," katanya menerusi akaun Instagram-nya semalam.

Menurut Afdlin, susulan kejadian itu, beliau membuat laporan bagi membolehkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan siasatan lanjut berhubung kes tersebut.

»BERSAMBUNG DI MUKA 2



AFDLIN membuat laporan polis berhubung dakwaan yang mengaitkannya dalam kes salah laku perolehan DBKL.



“

Agenda pihak ini hanya didorong oleh perasaan hasad dengki dan dendam yang tidak bertempat.”

'Ada usaha jatuhkan saya'

DARI MUKA 1

"Saya difahamkan perkara ini juga sedang disiasat secara dalaman oleh DBKL," katanya.

Pelakon filem *Buli* itu berkata, beliau sedia untuk memberikan kerjasama penuh berhubung siasatan kes tersebut.

"Saya menyeru saudara-saudari sekalian untuk memberi ruang kepada pihak berwajib untuk melaksanakan tanggungjawab mereka.

"Fitnah

dan tohmahan berniat jahat ini tidak seharusnya dibiarkan berleluasa. Saya yakin dan pasti dengan izin Allah, akhirnya kebenaran akan tersuluh dan keadilan akan ditegakkan," katanya.

Sebelum ini, tular dalam aplikasi Telegram yang mendakwa Afdlin yang juga Ahli Lembaga Penasihat DBKL merupakan antara individu yang terlibat dengan salah laku bagi perolehan projek penerbitan bahan kreatif oleh DBKL.

Projek tersebut dianggarkan bernilai lebih RM10 juta.

Pendedahan itu mendapat perhatian ramai dan menimbulkan persoalan besar mengenai ketelusan serta akauntabiliti dalam tadbir urus DBKL.

Sehubungan itu, Pemerhati Rasuah Malaysia menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menjalankan siasatan bebas secara menyeluruh berhubung kes tersebut.